

SYAHADAH DALAM STATUT KETERANGAN MAHKAMAH SYARIAH DI MALAYSIA: ASAS DAN SUMBER PERUNDANGAN

Azizah Mohd Rapini,¹ Ruzman Bin Md. Noor²

¹ Faculty of Syariah and Law, International Islamic University College of Selangor (KUIS), Malaysia.

² Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM), Malaysia.

Corresponding Author: Azizah Mohd Rapini. Faculty of Syariah And Law, International Islamic University College of Selangor (KUIS), 44300, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia. Tel: (60) 012-2255796. E-mail: azizah@kuis.edu.my

Received: April 10, 2016

Accepted: November 10, 2016

Online Published: June 20, 2017

ABSTRAK

Syahadah atau kesaksian menurut fiqh merupakan salah satu alat pembuktian yang kuat setaraf dengan iqrar (pengakuan) yang perlu dikendalikan dengan tegas tetapi pada masa yang sama mengambil kira aspek masalah dan keadilan. Syahadah seperti yang diperuntukkan dalam statut keterangan mahkamah syariah (SKMS) di Malaysia adalah bersumberkan hukum syarak hasil dari kajian terperinci para penggubal undang-undang terhadap kitab-kitab fiqh pelbagai mazhab bagi memilih pandangan yang sesuai untuk dimuatkan dalam SKMS. Ini berbeza dengan kebanyakan peruntukan lain yang diadaptasi dari Akta Keterangan (AK) 1950 seperti keterangan dokumen dan pemeriksaan saksi atau pun yang melalui proses pengubahsuaian di antara peruntukan dalam AK 1950 dengan prinsip keterangan Islam seperti qarinah. Oleh kerana syahadah dalam SKMS diambil berasaskan hukum syarak dan kitab-kitab fiqh maka timbul isu dari aspek pemakaiannya pada masa kini apabila syarat-syarat syahadah yang diperuntukkan kelihatan masih agak sukar untuk dipenuhi bagi melayakkan keterangan seseorang saksi itu diterima sebagai syahadah. Implikasinya, kebanyakan keterangan yang dikemukakan di mahkamah syariah diterima sebagai bayyinah sahaja menggunakan konsep keterangan yang diadaptasi dari pandangan Ibnu Qayyim al-Jawziyyah. Kajian ini cuba menganalisis asas dan sumber penggubalan bagi setiap peruntukan berkaitan syahadah dalam statut keterangan mahkamah syariah (SKMS) di Malaysia dengan perhatian khusus terhadap aspek-aspek syahadah setakat yang diperuntukkan yang hanya melibatkan definisi, syarat, bilangan, testimoni saksi atau tazkiyah al-shuhud (TS) serta keterangan dengar cakap. Berpandukan metode temubual dan kajian kepustakaan, penulis mendapati bahawa konsep syahadah dalam SKMS kebanyakannya berasaskan mazhab utama rujukan hukum syarak dalam sistem perundangan di Malaysia iaitu mazhab Shafi'i. Walau bagaimanapun, dengan sifat keterbukaan sumber hukum dalam SKMS seperti undang-undang Islam yang lain di Malaysia, pandangan fiqh dari sumber mazhab yang lain juga diterima dalam sesetengah situasi seperti penerimaan konsep bayyinah mengikut pandangan Ibnu Qayyim al-Jawziyyah dan

bilangan saksi yang mengambil kira juga pandangan dari mazhab Hanafi dan Hambali.

Kata kunci: *Syahadah, Statut keterangan mahkamah syariah, Keadilan, Bayyinah, Asas, Sumber perundangan*

(SHAHĀDAH IN SYARIAH COURT EVIDENCE STATUTES IN MALAYSIA: ITS FOUNDATION AND LEGAL SOURCES)

ABSTRACT

Shahādah or testimony is one of the strong types of evidence like an admission (iqrār) that should be reported by fulfilling the strict conditions without ignoring the elements of justice and public interest. Shahādah as provided in the Malaysian Syariah Court Evidence Statutes (SCES) is derived from the results of a detailed study of the lawmakers on Syariah legal rulings and the books of fiqh on various mazhab to fit in SCES. This is in contrast with other provisions which were adapted from the Malaysian Evidence Act 1950 like documentary evidence, examination of witnesses, and qarīnah through the process of modification of civil law with the principles of Islamic law of evidence. As shahādah in SCES was derived from Islamic law and the books of fiqh, the issue arises on the application of the present time when the conditions of shahādah seemed to be quite difficult to be fulfilled to be as admissible and original shahādah. Hence, most of the evidence tendered and testified in the Syariah court is only accepted as bayyinah by adopting the view of Ibn Qayyim al-Jawziyyah. This study attempts to analyze the foundation and source of codifying the relevant provisions of shahādah in SCES Malaysia which involves the definition, conditions, number of witnesses, examination of witnesses, or tazkiyah al-shuhūd (TS) and rules against hearsay. Based on interviews and library research as the main methods of collecting data, the authors found that the concept of shahādah under SCES refers basically to the Islamic legal rulings which mostly come from Shāfi'ī school of law (mazhab) which is also known as the main reference of Islamic law in Malaysia. However, by resorting to the flexible approach of selecting views from various Islamic schools of law (mazhab), to fit in SCES or other Islamic law in Malaysia, other's views of fiqh are also acceptable in some situations such as the concept of bayyinah according to Ibn Qayyim al-Jawziyyah and the number of witnesses from the view of the Hanafi and Hambali schools.

Keywords: *Shahādah, Syariah court evidence statute, Justice, Foundation, Legal sources.*

1. Pendahuluan

Salah satu jalan untuk mencapai keadilan pelaksanaan sesuatu undang-undang terutamanya di Mahkamah Syariah ialah dengan adanya satu undang-undang

keterangan dan acara yang kemas, tersusun serta lengkap dari segenap sudut dan ruang. Dalam konteks Malaysia undang-undang keterangan mahkamah syariah dalam bentuknya yang khusus atau statut keterangan mahkamah syariah (SKMS) wujud dengan lahirnya SKMS yang pertama di Kedah melalui Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Kedah 1989. Secara umumnya, SKMS yang digubal adalah hasil kombinasi Akta Keterangan Malaysia (AK)1950, *Majallah al-Ahkam* dan undang-undang yang terpakai di Pakistan bersama-sama pandangan mazhab yang muktabar melalui kitab-kitab fiqh. Pendekatan pihak penggubal menggunakan lebih dari satu mazhab sebagai panduan adalah untuk membuktikan undang-undang Islam tidak ketat dan tidak 'rigid' malah dasar penggubalannya juga mengambil kira kesesuaiannya dengan masa, tempat dan persekitaran setempat (Mahmud Saedon, 1995: 88).

Artikel ini cuba menganalisis asas dan sumber dalam penggubalan setiap peruntukan berkaitan *syahadah* dalam SKMS di samping mengenalpasti sama ada wujud perbezaan peruntukan tersebut di antara negeri-negeri di Malaysia. Kajian ini di harap dapat melihat sejauh mana peruntukan-peruntukan yang ada selari dengan mazhab-mazhab yang diiktiraf di Malaysia melalui kaedah penggubalan yang sentiasa mengambil kira aspek *siyasah shar'iyah* dan *maqasid shari'ah*. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya akan menumpukan aspek-aspek tertentu sahaja berkaitan *syahadah* mengikut kerangka SKMS yang hanya melibatkan definisi, syarat, bilangan, testimoni sakis atau *tazkiyah al-shuhud* (TS) serta keterangan dengar cakap atau *shahadah 'ala shahadah* (SAS) dan *shahadah al-tasamu'* (ST).

2. Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang melibatkan kajian kepustakaan dan lapangan. Kajian kepustakaan tertumpu kepada sumber-sumber perundangan atau statut terutama statut keterangan mahkamah syariah seluruh negeri di Malaysia, sejarah berkaitan undang-undang Islam di Malaysia serta sumber-sumber fiqh, usul fiqh dan *maqasid shari'ah* bagi mengenalpasti sumber atau asas penggubalan peruntukan berkaitan *syahadah* dalam SKMS. Manakala kajian lapangan melibatkan beberapa protokol temubual bersama beberapa informan bagi mendapatkan maklumat berkaitan sejarah penggubalan SKMS.

3. Rujukan Muktamad Hukum Syarak

Secara umumnya, hampir semua negeri-negeri di Malaysia, kecuali negeri Perlis¹, sama ada melalui SKMS negeri-negeri² atau enakmen pentadbiran agama Islam negeri³ telah mentafsirkan terma '*hukum syarak*' sebagai hukum syarak atau undang-

¹ Seksyen 3 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Perlis) 2006 mentafsirkan perkataan '*hukum syarak*' sebagai Hukum Syarak mengikut Al-Quran dan atau Sunnah Rasulullah *Salla'allahu 'Alaihi Wasallam*, tanpa meletak keterikatan kepada mana-mana mazhab seperti peruntukan di negeri-negeri lain. Malah dalam seksyen 54 (1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Perlis) 2006 juga telah memperuntukkan sumber fatwa yang perlu diikuti hendaklah mengikut Al-Quran dan/atau Sunnah Rasulullah *Sallallahu'alaihi Wasallam*.

² Wilayah Persekutuan, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang, Kelantan, Pulau Pinang, Perak dan Sabah. Manakala Sarawak pula tidak menggunakan perkataan hukum syarak tetapi menggunakan perkataan undang-undang Islam.

³ Johor mentafsirkan hukum syarak dalam SKMS mereka sebagai undang-undang Islam dalam mana-mana mazhab yang sah, manakala Terengganu pula mentafsirkan hukum

undang Islam mengikut mazhab Shafi'i atau mengikut mana-mana satu mazhab Hanafi, Maliki atau Hambali. Pemilihan mazhab Shafi'i sebagai sumber mazhab utama dan pertama berbanding mazhab-mazhab lain dalam SKMS menggambarkan penggunaan *takhayyur*⁴ dalam penggubalan undang-undang bagi membolehkan ia ditadbir dengan lebih mudah dan adil. Sama seperti *Majallah al-Ahkam al-'Adliyyah* yang telah menjadikan mazhab Hanafi sebagai asas atau rujukan utama sistem perundangan sivil Islam pada zaman Turki Uthmaniyah (The Mejelle, 2001). Pemilihan atau *takhayyur* sumber mazhab sebagai rujukan utama juga menggambarkan pendekatan berasaskan *siyasah shari'yyah* bagi memastikan sistem perundangan Islam di Malaysia ditadbirurus dengan adil sesuai dengan suasana atau bentuk pendabiran negara di Malaysia.

Arahan Amalan No. Tahun 2001 telah menetapkan pemakaian pendapat mazhab fiqh bagi maksud rujukan hukum syarak adalah melalui pengambilan pendapat mazhab muktabar berdasarkan dasar yang telah ditetapkan oleh Raja Pemerintah bagi negeri yang mengeluarkan '*tauliah*' kepada Hakim-hakim Syarie (Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, 2001). Dengan itu rujukan '*hukum syarak*' yang telah didefinisikan dalam undang-undang Islam negeri-negeri adalah mematuhi arahan amalan tersebut dengan memberi ruang kepada rujukan selain mazhab Shafi'i sekali gus memberikan tafsiran terhadapnya yang dimaksudkan sebagai mazhab muktabar.

Oleh yang demikian, kajian ini akan hanya menganalisis sumber-sumber fiqh berkaitan *syahadah* hanya melalui empat mazhab sahaja iaitu mazhab Shafi'i sebagai rujukan pertama diikuti oleh mazhab Hanafi, Maliki dan Hambali sahaja sama ada melalui pandangan pengasas mazhab sendiri atau penulisan-penulisan ulama mazhab-mazhab tersebut.

4. Definisi Syahadah

Semua negeri memberikan definisi yang sama terhadap *syahadah* dalam SKMS mereka sebagai apa-apa keterangan yang diberikan di mahkamah dengan menggunakan lafaz '*asyhadu*' untuk membuktikan suatu hak atau kepentingan. Sebagai contoh dalam seksyen 3 EKMS (Negeri Selangor) 2003. *Syahadah* dalam SKMS juga merupakan salah satu bentuk keterangan selain *bayyinah*, keterangan lisan dan keterangan dokumen dalam semua SKMS di Malaysia.

syarak sebagai hukum syarak mengikut mana-mana mazhab yang diiktiraf. Ketiga-tiga negeri ini memperincikan penggunaan mazhab yang empat sebagai sumber bukan dalam SKMS tetapi dalam enakmen pentadbiran agama Islam negeri masing-masing. Lihat Seksyen 2 (Tafsiran) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003, dan seksyen 2 (Tafsiran) dan 54 (2) berkaitan qaul muktamad dalam pengeluaran fatwa, Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001.

⁴ *Takhayyur* bermaksud mengambil salah satu pendapat mazhab yang paling rajih disebabkan kekuatan dalilnya dan sesuai serta selari dengan masalah umum. Atau dalam istilah yang paling mudah *takhayyur* bermaksud penyesuaian beberapa doktrin undang-undang dari sesuatu mazhab dengan keperluan dan tuntutan semasa masyarakat dan negara. Sebagai contoh dalam peraturan perundangan, mazhab Hanafi telah dijadikan sebagai asas penggubalan *Majallah al-Ahkam al-'Adliyyah* atau The Mejjel dengan disesuaikan dengan keperluan dan tuntutan semasa masyarakat dan negara. Lihat Muhammad Siraj, *Usul al-Fiqh al-Islami*, (1988:383), Abdullah @ Alwi Haji Hassan, "Ijtihad Dan Peranannya Dalam Pengharmonian Pengamalan Undang-undang Syariah Di Dunia Islam Masa Kini" (2007:6) dan The Mejelle (2001).

EKMS Perlis yang berbeza dari aspek pengertian hukum syarak juga telah meletakkan definisi yang sama dan ini menunjukkan keseragaman konsep *syahadah* bagi seluruh negeri di Malaysia sebagai keterangan yang terikat dengan lafaz '*asyhadu*' untuk membuktikan sesuatu hak atau kepentingan.

4.1 Asas dan Sumber Perundangan

Definisi *syahadah* yang terdapat dalam SKMS di Malaysia memperlihatkan keselarian konsepnya dengan takrifan hukum syarak dalam SKMS atau pun statut pentadbiran agama Islam (SPAI) negeri-negeri yang menjadikan mazhab Shafi'i sebagai mazhab pertama menjadi rujukan hukum. Al-Sharbini (t.th., 1: 314), al-Ramli (1984, 8: 292) dan al-Dimyati (1995, 4: 452) mendefinisikan *syahadah* sebagai pemberitahuan tentang sesuatu hak dengan lafaz yang khusus yang merujuk kepada makna *syahadah*. Malah takrifan tersebut juga selari dengan definisi *syahadah* menurut majoriti ulama selain mazhab Shafi'i seperti Ibnu al-Najar (2005, 4:458) dari mazhab Hambali dan Ibnu Humam (1995, 7: 339) dari mazhab Hanafi yang menjadikan lafaz '*asyhadu*' sebagai elemen utama dalam lafaz *syahadah*.

Takrifan *syahadah* dalam SKMS juga mempunyai konsep yang lebih kurang sama dengan takrifan *syahadah* oleh ulama kontemporari seperti 'Abdul Karim Zaydan yang mendefinisikan *syahadah* sebagai sesuatu perkhabaran yang benar di majlis kehakiman dengan lafaz *syahadah* untuk membuktikan dan mensabitkan hak ke atas orang lain (1983:165). Takrifan yang lebih kurang sama maksudnya dengan Wahbah Zuhayli (1997, 8: 6028), Ahmad Fathi Bahnasi (1983: 17) dan Muhammad Zuhayli (2008:191). Keempat-empat ulama tersebut merupakan rujukan kontemporari tokoh undang-undang keterangan Islam di Malaysia, mahu pun panel Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil (JTUSS) yang bertanggungjawab merangka undang-undang keterangan mahkamah syariah di Malaysia seperti Dr. Mahmud Saedon A. Othman (1991: 55) dan Tan Sri Sheikh Ghazali Bin Abdul Rahman (Penasihat Perundangan Syariah, Jabatan Peguam Negara), dalam temubual dengan penulis, 2 Disember 2014. Beliau merupakan pengerusi JTUSS sejak tahun 1999.

Dalam *Majallatul Ahkam* sendiri (The Mejelle, 2001), sebagai salah satu rujukan perundangan dalam penggubalan SKMS, telah meletakkan lafaz *syahadah* sebagai elemen penting yang membentuk *syahadah*. Ini boleh dilihat dalam Fasal 1684 (versi Bahasa Inggeris):

"Shehadat" is to give information by the word "shehadet", the two parties are face to face, and in presence of the judge, when to prove the right which one person has against another. That is to say, by saying "shehadet iderim" (I give evidence).

Oleh kerana mazhab Hanafi, yang menjadi asas penggubalan *Majallat al-Ahkam*, tidak membezakan *syahadah* (*shehadet*) dengan *bayyinah* (*shehadet iderim/ I give evidence*) maka lafaz *syahadah* merupakan salah satu elemen penting menurut mazhab tersebut untuk menjadikan sesuatu *syahadah* itu sah, sama seperti pandangan ulama mazhab Shafi'i.

Selari dengan konsep rujukan hukum syarak dalam SKMS jelas menunjukkan bahawa mazhab Shafi'i dijadikan sebagai asas peruntukan berkaitan definisi *syahadah* yang selari juga dengan kebanyakan konsep *syahadah* dari mazhab selain mazhab Syafi'i serta konsep yang dibawa oleh ulama kontemporari yang menjadi sebahagian dari sumber rujukan dalam penggubalan undang-undang tersebut.

5. Syarat-Syarat Saksi

Syarat-syarat saksi dalam SKMS negeri-negeri di Malaysia diperuntukkan dalam seksyen 83 (1) kecuali bagi negeri Perak melalui seksyen 87 (1).⁵ Peruntukan tersebut menggunakan bahasa dan konotasi yang sama melainkan EKMS Negeri Perak 2004, EKMS (Negeri Sembilan) 2003 dan EKMS (Negeri Melaka) 2002 tetapi perbezaan tidaklah begitu ketara.⁶ Secara umumnya peruntukan tersebut ialah:

(1) Tertakluk kepada peruntukan seksyen ini, semua orang Islam adalah **kompeten** untuk memberikan *syahadah* atau *Bayyinah* sebagai saksi dengan syarat bahawa mereka adalah '*aqil, baligh, adil*, mempunyai ingatan yang baik dan tidak berprasangka.

Huraian—Seseorang Islam adalah disifatkan '*adil* jika dia menunaikan obligasi agamanya, melaksanakan kewajipan agama yang ditetapkan, menahan diri daripada melakukan dosa besar dan tidak terus menerus melakukan dosa kecil.

Daripada peruntukan di atas, terdapat enam sahaja syarat saksi yang dijelaskan secara langsung untuk diterima keterangannya sebagai *syahadah* iaitu saksi mestilah beragama Islam, '*aqil* (berakal), baligh, '*adil*, mempunyai ingatan yang baik atau *dabit* dan tidak berprasangka atau istilah yang biasa digunakan dalam kitab-kitab fiqh sebagai tiada tohmah.⁷ Untuk melengkapkan lagi syarat tersebut supaya lebih jelas, peruntukan yang sama telah memberikan konsep atau takrifan '*adil* dalam huraian seksyen berkaitan sebagai orang yang mempunyai ciri-ciri khusus menggambarkan nilai keagamaan dan akhlak yang tinggi iaitu dengan menunaikan obligasi agamanya, melaksanakan kewajipan agama yang ditetapkan, menahan diri daripada melakukan dosa besar dan tidak terus menerus melakukan dosa kecil.

Selain dari enam syarat di atas, SKMS melalui seksyen 84⁸ telah memperuntukkan satu lagi syarat iaitu saksi mestilah boleh bercakap tetapi diperuntukkan secara tidak langsung melalui maksud yang tersirat apabila keterangan saksi yang tidak dapat bercakap atau saksi bisu hanya diterima sebagai *bayyinah*, bukan *syahadah*. Peruntukan tersebut adalah:

⁵ Terdapat sedikit perbezaan bilangan peruntukan bagi Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Perak) 2004 berbanding negeri-negeri lain di Malaysia kerana terdapat peruntukan tambahan melalui seksyen 73 hingga seksyen 75 berkaitan Dokumen Yang Dikeluarkan Oleh Komputer. Walau bagaimanapun peruntukan yang berkaitan dengan saksi tetap sama, hanya nombor peruntutannya sahaja yang teranjak sedikit disebabkan wujudnya peruntukan tambahan seperti yang disebutkan tadi.

⁶ Bagi negeri Perak, perbezaan hanya wujud dari segi nombor peruntukan dan penggunaan istilah 'berwibawa' yang berbeza dengan negeri-negeri lain yang menggunakan istilah 'kompeten' walaupun kedua-duanya mempunyai makna atau maksud yang sama iaitu mempunyai kelayakan.⁶ Istilah 'berwibawa' juga turut digunakan dalam EKMS (Negeri Sembilan) 2003 dan EKMS (Negeri Melaka) 2002 dalam seksyen 83, nombor peruntukan yang sama dengan negeri-negeri lain.

⁷ Istilah 'tohmah' berasal dari perkataan Arab yang bermaksud prasangka atau kesamaran dalam hati. Lihat Kamus Idris Marbawi. Istilah tersebut mempunyai persamaan dengan istilah dalam bahasa Melayu seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 83 (1) SKMS iaitu prasangka. Maka tidak berprasangka juga mempunyai maksud yang sama dengan tiada tohmah.

⁸ EKMS (Perak) seksyen 88.

(1) Seseorang saksi yang tidak dapat bercakap boleh memberikan *bayyinah*ya mengikut apa-apa cara yang menjadikannya boleh difahami seperti dengan tulisan atau dengan isyarat.

(2) *Bayyinah* yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah diberikan di dalam Mahkamah terbuka.

5.1 Asas dan Sumber Perundangan

Keenam-enam syarat *syahadah* yang diperuntukan secara nyata atau tersirat dalam SKMS secara umumnya adalah selari dengan syarat-syarat yang digariskan oleh kebanyakan ulama mazhab Shafi'i serta majoriti ulama dari mazhab yang lain seperti al-Dasuqi, Ibnu Qudama dan al-Kasani.⁹ Ini berbeza dengan pandangan Ibnu Qayyim yang hanya meletakkan Islam dan 'adil sahaja sebagai syarat utama penyampaian *syahadah*.

Begitu juga dengan konsep 'adil yang diperuntukkan dalam seksyen 83 (1) SKMS¹⁰ yang mensifatkan seorang Islam yang 'adil jika dia menunaikan obligasi agamanya, melaksanakan kewajipan agama yang ditetapkan, menahan diri daripada melakukan dosa besar dan tidak terus-menerus melakukan dosa kecil. Konsep ini sangat selari dengan ciri 'adil yang dijelaskan oleh Imam al-Sharbini dalam Mughni al-Muhtaj (2006,6: 371), juga daripada pandangan Imam al-Nawawi (t.t,8:200) dan al-Dimyati (1995, 4: 464) sebagai seorang yang menjauhi dosa besar dan tidak terus menerus melakukan dosa kecil. Perkara ini pernah disahkan sendiri oleh panel JTUSS berkaitan sumber rujukan konsep 'adil dalam SKMS (Tan Sri Sheikh Ghazali Bin Abdul Rahman, Temubual 2 Disember 2014).

Hanya satu syarat yang dibincangkan secara panjang lebar dalam kitab karangan ulama mazhab Shafi'i iaitu syarat menjaga maruah sebagai syarat yang berasingan, berbeza dengan syarat 'adil tidak diperuntukkan dalam SKMS. Syarat melihat juga tidak diperuntukkan dalam SKMS walaupun kesaksian atau *syahadah* sangat sinonim dengan deria penglihatan. Ulama mazhab Shafi'i sendiri pun meletakkan keupayaan untuk melihat sebagai salah satu syarat utama melainkan dalam kes-kes yang melibatkan keterangan dengar cakap atau *syahadah al-tasamu*'.

Walau bagaimanapun, peruntukan yang berkaitan ketidakterimaan keterangan suami untuk isterinya atau sebaliknya sebagai *syahadah* dalam SKMS nampaknya lebih menjurus kepada pandangan mazhab selain Shafi'i terutama mazhab Hanafi (al-Kasani, t.th.: 4024 dan Ibnu Hummam, 1995, 7: 376) dan mazhab Maliki (Imam Malik, 1323H: 5154 dan al-Dasuqi, 4:168) kerana mazhab Shafi'i menerima kesaksian sesama suami dan isteri disebabkan lemahnya tohmah di antara mereka.¹¹

⁹ Bermula dengan syarat beragama Islam, berakal, baligh, 'adil, mempunyai ingatan yang baik, tidak wujud tohmah dalam apa bentuk hubungan sekali pun dan keupayaan saksi untuk bercakap secara umumnya adalah selari dengan pandangan ulama mazhab Shafi'i terutama Imam al-Syarbini dalam kitab utamanya Mughni al-Muhtaj, al-Ramli, al-Nawawi dan al-Dimyati, melainkan syarat merdeka yang tidak lagi relevan pada masa kini. Malah, syarat-syarat tersebut tidak mempunyai perbezaan yang ketara dengan syarat yang ditetapkan oleh ulama mazhab lain seperti Ibnu Qudama (1994,12:28), al-Dasuqi (t.t,4:165) dan al-Kasani (t.t, 4023) dari mazhab Hambali, Maliki dan Hanafi.

¹⁰ EKMS (Perak) 2004, seksyen 87(1)

¹¹ Perkara ini turut disahkan oleh Tan Sri Sheikh Ghazali Bin Abdul Rahman dalam temubual, 2 Disember 2014.

Selain daripada syarat-syarat yang disebutkan di atas, ketidakterimaan keterangan saksi sebagai *syahadah* bagi saksi bukan Islam untuk orang Islam, keterangan orang yang tidak *'adil*, keterangan orang yang belum baligh, keterangan orang yang tidak sempurna akal, keterangan orang yang lemah ingatan, keterangan orang yang kebolehpercayaannya diragui kerana hubungan baik atau buruk dan keterangan ibu bapa atau anak kepada anak atau ibu bapa serta keterangan orang yang bisu juga selari dengan pandangan mazhab Shafi'i sama ada melalui kitab utama *al-Umm* karangan Imam Shafi'i (2006) sendiri mahu pun ulama mazhab Shafi'i yang lain seperti al-Sharbini (2006) yang memang tidak menerima keterangan-keterangan tersebut sebagai *syahadah*.

Qanun-e-Shahadat Pakistan 1984 tidak memperincikan syarat-syarat saksi tetapi meletakkan garis panduan umum kelayakan saksi berdasarkan al-Quran dan Sunnah sahaja. Seksyen 17 (1) undang-undang tersebut memperuntukkan:

The competence of a person to testify and the number of witnesses required in any case shall be determined in accordance with the injunctions of Islam as laid down in the Holy Qur'an and Sunnah.

Walau bagaimanapun, dari segi amalan, menurut Sh. Shaukat Mahmood dan Sh. Nadeem Shaukat dalam komentar mereka terhadap peruntukan di atas tidaklah bermakna mana-mana saksi yang tidak mempunyai kelayakan sebagaimana yang telah digariskan oleh hukum syarak tidak boleh memberi keterangan. Malah, mana-mana saksi yang boleh hadir boleh memberi keterangan sekiranya saksi yang memenuhi syarat kelayakan *syahadah* tidak dapat hadir atau tiada. Namun, sekiranya pihak lawan mempertikaikan atau mencabar kelayakan atau kekompetenan saksi sama ada memenuhi kelayakan menurut hukum syarak atau tidak, barulah isu tersebut akan dipertimbangkan oleh pihak mahkamah (Sh. Shaukat Mahmood & Sh. Nadeem Shaukat, 1991, 1: 60).

Dalam *Majallat al-Ahkam*, syarat *'adil* dalam bentuk yang umum dan syarat tiada tohmah sahaja yang diperuntukkan. Fasal 1770 (The Mejelle) undang-undang sivil tersebut telah memperuntukkan bahawa kesaksian yang mempunyai tohmah atau sebarang bentuk hubungan baik yang diragui kerana kepentingan tertentu (*interest of witness*) adalah tidak diterima, termasuklah keterangan ibu atau bapa untuk anak atau anak untuk ibu dan bapanya serta keterangan suami untuk isterinya dan sebaliknya yang selari dengan mazhab Hanafi. Bagitu juga dengan Fasal 1702 (The Mejelle) yang tidak menerima kesaksian orang yang kebolehpercayaannya diragui kerana hubungan buruknya dengan pihak penentang. Peruntukan yang sama dengan prinsip yang terkandung dalam SKMS tentang ketidakterimaan keterangan sebagai *syahadah* dari mana-mana saksi yang mempunyai tohmah atau hubungan yang diragui termasuklah keterangan sesama suami dan isteri. Berbeza dengan mazhab Shafi'i yang menerima keterangan di antara suami dan isteri.

Walau bagaimanapun, dari aspek sifat *'adil* saksi, *Majallat al-Ahkam* yang berasaskan mazhab Hanafi tidak memperincikan ciri-ciri adil, tetapi hanya meletakkan ciri umum bahawa seseorang saksi mestilah seorang yang benar (*proper person*), yang menjaga perlakuan dan kehormatan selari dengan kehendak agama (The Mejelle, Fasal 1705). Ciri-ciri tersebut selari dengan pandangan ulama mazhab Hanafi yang memadai dengan *'adil* menurut penilaian zahir dan dikenali sebagai orang yang benar (*proper*) yang konsepnya juga bergantung kepada fatwa atau *'uruf* semasa.

Oleh yang demikian, selain dari pengaruh yang kuat dari mazhab Shafi'i dalam peruntukan berkaitan syarat-syarat saksi, syarat tiada tohmah atau

ketidakterimaan keterangan saksi yang mempunyai tohmah termasuklah saksi yang mempunyai hubungan suami atau isteri mempunyai persamaan dengan peruntukan dalam Majallat al-Ahkam walaupun berbeza sumber asas mazhabnya. Malah penulisan fiqh kontemporari terutama Wahbah Zuhayli (8: 6035) dan ‘Abdul Karim Zaydan (1983: 173) telah merumuskan syarat-syarat saksi yang sama dengan ketujuh-tujuh syarat yang boleh dirumuskan dalam SKMS iaitu berakal, baligh, beragama Islam, boleh bercakap, ‘*adil* dan tiada tohmah, termasuk ketidakterimaan keterangan di antara suami dan isteri, melainkan syarat merdeka dan boleh melihat yang tidak ada dalam SKMS. Juga takrifan ‘*adil* yang mempunyai konsep yang sama dengan SKMS iaitu menjauhi dosa besar dan tidak terus menerus melakukan dosa kecil (Wahbah Zuhayli, 8:6038). Begitu juga dengan ‘Abdul Karim Zaydan yang menggariskan syarat-syarat tersebut (1983: 173) termasuk larangan menerima kesaksian sesama suami dan isteri serta konsep ‘*adil* iaitu seorang yang menjaga agamanya, tidak melakukan dosa-dosa besar dan tidak berterusan dengan dosa-dosa kecil (*Ibid*: 176). Maknanya, selain selari dengan pandangan-pandangan ulama tradisional terutama mazhab Shafi’i, syarat-syarat *syahadah* yang diperuntukkan dalam SKMS juga tidak banyak berbeza dengan penulisan-penulisan fiqh kontemporari berkaitan undang-undang keterangan Islam dan sumber perundangan lain seperti Majallat al-Ahkam.

6. Bilangan Saksi

Bilangan saksi dalam SKMS diperuntukkan dalam seksyen 86 dan seksyen 88 (seksyen 90 dan seksyen 92 bagi negeri Perak) yang telah meletakkan beberapa kategori bilangan saksi. Walau bagaimanapun, peruntukkan tersebut hanya menyebut bilangan saksi secara umum tanpa meletakkan sebarang limitasi jenis keterangan sama ada *syahadah* atau selainnya. Cuma, apa yang jelas peruntukkan tersebut seolah-olah merujuk kepada *syahadah* kerana kategori bilangan saksi yang diperuntukkan adalah selari dengan kategori bilangan saksi yang dibincangkan dalam kitab-kitab fiqh klasik dan kontemporari.

Secara umumnya kategori bilangan saksi dalam SKMS terdiri daripada (EKMS, s86):

- i. Tiga orang saksi lelaki bagi kes dakwaan seorang yang dikenali sebagai papa bila dia mendakwa menjadi papa seperti dalam kes pemungutan zakat.
- ii. Seorang saksi lelaki yang ‘*adil* bagi kes melihat anak bulan, tetapi tidak dijelaskan sama ada anak bulan Ramadan atau Syawal.
- iii. Seorang saksi lelaki dalam kes yang kebiasaannya dalam pengetahuan lelaki seperti kes yang melibatkan guru dengan murid, kes penilaian barang rosak, kes penerimaan dan penolakan saksi, kes pemecatan wakil dan kes kecacatan barang jualan. Seorang saksi wanita bagi kes yang kebiasaannya dalam pengetahuan wanita sahaja seperti kes penyusuan, perbidanan, haid dan kelahiran.
- iv. Dua orang saksi lelaki atau seorang saksi lelaki bersama dua orang saksi wanita dalam kes-kes selain kes-kes di atas.
- v. Seorang saksi berserta sumpah plaintif dalam kes mal apabila plaintif hanya mengemukakan seorang saksi sahaja (EKMS, s88).

Kategori bilangan saksi di atas tidak memasukkan bilangan empat orang saksi dalam kes zina dan dua orang saksi lelaki dalam kes qisas dan hudud selain zina seperti yang terdapat dalam kitab-kitab fiqh. Keterbatasan bidang kuasa mahkamah syariah di Malaysia yang tidak atau belum mempunyai bidang kuasa mendengar kes-

kes hudud dan menjatuhkan hukuman lebih dari formula '3, 5, 6' (tiga tahun penjara atau denda RM5 ribu atau enam kali sebatan) (Akta 355, s3) telah memberi refleksi kepada peruntukan di atas untuk tidak memasukkan bilangan saksi tersebut.

Peruntukan yang ada juga tidak menetapkan perbezaan di antara bilangan saksi kes jenayah syariah atau kes mal terutama dalam seksyen 86 (5) bagi kebanyakan SKMS negeri tentang bilangan saksi secara umumnya adalah dua orang saksi lelaki atau seorang saksi lelaki bersama dua orang saksi wanita. Seksyen 88 juga tidak menetapkan seorang saksi yang diperuntukkan bersama sumpah plaintif dalam kes mal pun tidak disebut sama ada seorang saksi yang dimaksudkan itu lelaki atau wanita.

6.1 Asas dan Sumber Perundangan

Akta Keterangan (AK) 1950 tidak menetapkan bilangan tertentu untuk mengemukakan saksi, sama seperti syarat atau kekompetenan saksi. Tidak seperti SKMS dan undang-undang keterangan Islam dalam kitab-kitab fiqh yang melihat kekompetenan saksi serta bilangannya sebagai perkara yang menjadi perhatian utama. Seksyen 134 akta tersebut menyebut:

Tiada apa-apa bilangan tertentu mengenai saksi dikehendaki dalam sesuatu kes untuk membuktikan sesuatu fakta.

Begitu juga dengan *Qanun-E-Shahadat Order* Pakistan 1984, menerusi seksyen 17 yang hanya meletakkan prinsip umum syarat dan bilangan saksi mengikut apa yang digariskan dalam al-Quran dan Sunnah sahaja kecuali jika ada peruntukan lain yang menetapkannya dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan pelaksanaan hukum Hudud atau undang-undang lain. Walau bagaimanapun, secara umumnya menurut undang-undang tersebut, mahkamah boleh menerima kesaksian seorang lelaki mahu pun seorang wanita dalam keadaan yang tertentu yang memadai dengan bilangan tersebut. Ini bermakan *Qanun-E-Shahadat* Pakistan tidak begitu 'rigid' dalam konteks syarat dan bilangan saksi kerana peruntukan tersebut dipulangkan sepenuhnya kepada hukum syarak (al-Quran dan Sunnah) dan apa yang penting ialah kualiti saksi, bukan bilangan saksi (Sh. Shaukat Mahmood & Sh. Nadeem Shaukat, 1991, 1: 159).

Majallatul Ahkam tidak meletakkan kategori bilangan saksi yang banyak secara terperinci dan hanya memperuntukkan prinsip umum dalam kes yang melibatkan hak manusia sama seperti bilangan saksi secara umum dalam SKMS iaitu dua orang saksi lelaki atau seorang saksi lelaki bersama dua orang saksi wanita (The Mejelle, Fasal 1685). Persamaan juga wujud di antara *Majallatul Ahkam* dengan SKMS apabila diperuntukkan keterangan seorang saksi wanita adalah memadai dalam kes-kes yang tidak diketahui oleh lelaki dalam kes sivil tetapi tidak disebut di situ kes-kes yang melibatkan kes perbidanan atau kelahiran atau penyusuan (*Ibid*).

Bilangan saksi yang diperuntukkan dalam SKMS walaupun ada sedikit persamaan dengan *Majallatul Ahkam*, yang hanya mempertuntukkan dua kategori bilangan saksi sahaja, sama seperti status keterangan saksi yang dibicarakan sebelum ini menampakkan gabungan dua sumber mazhab sebagai asas penggubalan. Atau dengan kata lain, teknik *talfiq*¹² dalam menggabungkan lebih dari satu mazhab fiqh

¹² Mohd Salleh telah merumuskan *talfiq* sebagai menghimpun atau mencampuradukkan dua pendapat atau mazhab dalam satu-satu permasalahan sehingga

juga wujud dalam peruntukan khas bilangan saksi. Peruntukan yang paling ketara berbeza dengan mazhab Shafi'i sebagai mazhab utama ialah peruntukan tentang tiga orang saksi lelaki dalam dakwaan seorang lelaki kaya sebagai papa, keterangan seorang saksi lelaki semata-mata dan keterangan seorang saksi wanita dalam kes-kes perbidanan, kelahiran dan penyusuan.

Keperluan tiga orang saksi lelaki dalam dakwaan seorang lelaki kaya sebagai miskin atau papa terutama dalam kes pemungutan zakat (EKMS, s86) hanya dibincangkan oleh ulama mazhab Hambali sahaja (Ibnu al-Najar, 2005, 4: 486) termasuk Ibnu Qayyim (2002:138). Keterangan tersebut tidak disebut dalam kitab mazhab selain Hambali. Begitu juga dengan keterangan seorang saksi lelaki dalam kes-kes yang kebiasaannya di bawah pengetahuan lelaki yang hanya diterima oleh mazhab Hambali terutama Ibnu Qayyim (2002:61) yang agak bersifat terbuka dalam aspek bilangan saksi kerana bagi beliau apa yang penting ialah kualiti saksi, bukan kuantitinya. Mazhab Shafi'i juga berbeza pandangan dalam bilangan saksi dalam kes-kes kebiasaannya di bawah pengetahuan wanita sahaja. Berbeza dengan seksyen 86(4) yang memadai dengan bilangan minimum seorang wanita sahaja, sama seperti pandangan mazhab Hanafi dan Hambali. Sedangkan mengikut mazhab Shafi'i, kes-kes yang kebiasaannya hanya diketahui oleh wanita seperti kes perbidanan, kelahiran, penyusuan dan kecacatan dalaman wanita, mensyaratkan bilangan seramai empat orang saksi wanita menggunakan formula kesaksian dua orang lelaki menyamai kesaksian empat orang wanita (al-Sharbini : 397, al-Ramli: 312 dan al-Dimyati: 457).

Majoriti ulama termasuk mazhab Shafi'i, mempunyai persamaan dalam membincangkan topik kategori bilangan saksi iaitu kes zina melalui empat orang saksi lelaki, kes-kes jenayah hudud selain zina serta kes-kes jenayah lain yang melibatkan hak manusia melalui dua orang saksi lelaki dan kes-kes kehartaan melalui dua orang saksi lelaki atau seorang saksi lelaki bersama dua orang saksi wanita. Walau bagaimanapun, dalam SKMS keterangan empat orang saksi dalam kes zina dan dua orang saksi dalam kes jenayah yang lain tidak diperuntukkan dalam SKMS. Hanya bilangan dua orang saksi lelaki atau seorang saksi lelaki bersama dua orang saksi wanita yang diperuntukkan dalam SKMS tanpa dikaitkan dengan jenis-jenis kes sama ada kes jenayah atau kes mal (sivil).¹³ Begitu juga dengan keterangan seorang lelaki yang *'adil* dalam kes melihat anak bulan Ramadan (al-Sharbini:394 dan al-Ramli: 310) dan keterangan seorang saksi lelaki bersama sumpah plantif atau pihak yang mendakwa (al-Shafi'i, 2009, 4:494) seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 86 (2) dan seksyen 88 di kebanyakan SKMS juga pernah dibincangkan dan diterima oleh majoriti mazhab termasuk mazhab Shafi'i. Cuma seksyen 88 mengenai keterangan seorang saksi bersama sumpah plaintif tidak pula menjelaskan gender dan jenis kes seperti yang dijelaskan oleh ulama.

Rujukan kontemporari undang-undang keterangan Islam seperti tulisan 'Abdul Karim Zaydan (1983: 187), Ahmad Fathi Bahnasi (1983:107) dan Ahmad 'Abdul Mun'im (1965: 22) telah merumuskan pembahagian yang sama tentang

membentuk satu hukum atau konsep tertentu walaupun kaedah sedemikian tidak mendapat pengiktirafan dari mazhab tersebut. Takrifan yang lebih moden dan ringkas diberikan oleh Abdullah @ Alwi Haji Hassan sebagai peminjaman secara bebas dari pelbagai sumber atau mazhab secara tidak eksklusif pada satu-satu mazhab. Lihat Mohd Salleh Ahmad, (2014:186) dan Abdullah @ Alwi Haji Hassan (2007:7).

¹³ Mazhab Shafi'i menerima keterangan dua orang saksi lelaki atau seorang saksi lelaki bersama dua orang saksi wanita dalam kes kehartaan sahaja berasaskan dalil Surat al-Baqarah ayat 282. Lihat Muhammad Khatib al-Sharbini, *al-Iqna*:417, al-Ramli: 311.

bilangan saksi. Cuma ‘Abdul Karim Zaydan telah meletakkan kategori bilangan saksi mengikut jenis kes berbanding jenis bilangan saksi. Sebagai contoh kesaksian dalam kes zina yang memerlukan empat orang saksi lelaki, kesaksian dalam kes hudud selain zina dan kes qisas iaitu dua orang lelaki, kesaksian dalam kes selain hudud, qisas dan kehartaan seperti kes nikah, talak, rujuk iaitu dua orang lelaki serta kesaksian dalam kes kehartaan iaitu dua orang saksi lelaki atau seorang saksi lelaki bersama dua orang saksi wanita. Bilangan saksi dalam SKMS juga dilihat selari dengan perbincangan tentang bilangan saksi dalam rujukan kontemporari tersebut termasuk berkaitan kesaksian seorang lelaki bersama sumpah plaintif dalam kes kehartaan, kesaksian seorang lelaki semata-mata jika diyakini kebenarannya dan kesaksian seorang wanita semata-mata dalam kes-kes yang melibatkan apa-apa fakta di bawah pengetahuan wanita kebiasaannya (*Ibid*). Ini diperakui sendiri oleh pihak penggubal SKMS yang telah juga merujuk kitab-kitab fiqh kontemporari terutama tulisan-tulisan Ahmad Fathi Bahnasi, ‘Abdul Karim Zaydan dan Ahmad ‘Abdul Mun’im al-Bahai, selain merujuk kepada kitab-kitab utama mazhab Fiqh yang bersifat primer (Temubual, 2 disember 2014).

Peruntukan bilangan saksi seperti yang disebut di atas, penulis melihat, walaupun digubal berasaskan hukum syarak seperti yang dibincangkan dalam kitab-kitab fiqh telah juga banyak dipengaruhi oleh senario sistem perundangan di Malaysia yang meletakkan Perlembagaan Persekutuan sebagai sumber utama perundangan.¹⁴ Hal ini menyebabkan pihak yang terlibat dengan penggubalan SKMS mengambil jalan tengah melalui kaedah ‘harmonisasi’ di antara sistem perundangan di Malaysia dengan prinsip-prinsip hukum syarak untuk meletakkan peruntukan yang bersifat umum tanpa melibatkan aspek gender saksi atau jenis kes terutama dalam peruntukan seksyen 86 (5) dan seksyen 88. ‘Jalan tengah’ yang dimaksudkan di sini ialah:

- i. Meletakkan peruntukan yang tidak bertentangan dengan undang-undang utama negara dan takat bidangkuasa mahkamah syariah.
- ii. Mengambil prinsi-prinsip hukum syarak berkaitan bilangan saksi seperti yang terdapat dalam kitab-kitab fiqh pelbagai mazhab.
- iii. Memudahkan pentadbiran keadilan mahkamah syariah sesuai dengan realiti semasa pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia.

7. Peruntukan Khas Berkaitan Testimoni Saksi

Testimoni saksi dalam SKMS melibatkan proses pemeriksaan latar belakang saksi untuk memastikan saksi memenuhi syarat ‘*adalah*’ sebagai salah satu syarat penyampaian kesaksian. Proses ini disebut dalam kitab-kitab fiqh sebagai proses *tazkiyah al-shuhud* (TS) tetapi terma tersebut tidak ditakrifkan secara nyata dalam SKMS, sama ada melalui perkataan testimoni saksi mahu pun *tazkiyah al-shuhud*. Walaupun istilah *tazkiyah al-shuhud* tidak digunakan dalam SKMS, namun proses-proses yang diperuntukkan sebagai peruntukan khas berkaitan testimoni saksi memang menyamai proses dan tujuan *tazkiyah al-shuhud* diadakan. Peruntukan khas berkaitan testimoni saksi melibatkan 11 peruntukan melibatkan tujuan, jenis dan cara-cara ianya dikendalikan, bermula dari seksyen 119 hingga seksyen 129 di kebanyakan SKMS.

¹⁴ Perkara 4 (1) Perlembagaan Persekutuan, mengenai ketertinggian Perlembagaan.

Secara umumnya testimoni saksi boleh diadakan sekiranya mahkamah meragui keadilan saksi atau didapati saksi tidak boleh dipercayai (EKMS, s119). Pemeriksaan atau penyiasatan saksi boleh dilakukan melalui dua kaedah, sama ada secara rahsia atau secara terbuka (*Ibid*, s120). Pemeriksaan secara rahsia dilakukan dengan perantaraan pemeriksa rahsia oleh mahkamah untuk memeriksa atau menyiasat latar belakang saksi melalui pihak-pihak yang ada hubungan atau mengenali saksi dengan lebih dekat seperti guru jika saksi tersebut seorang murid, pegawai tentera jika saksi itu anggota tentera atau mana-mana pemastautin tetap yang mengenali saksi tersebut (*Ibid*).

Pemeriksaan secara rahsia dijalankan melalui surat yang dikeluarkan oleh mahkamah mengandungi latar belakang saksi seperti nama, nombor kad pengenalan, pekerjaan dan alamat tempat tinggal. Surat tersebut dimeterai oleh hakim dan akan dilengkapkan oleh pemeriksa rahsia yang dilantik sama ada saksi yang diperiksa seorang yang 'adil atau tidak 'adil atau sebarang perkataan yang merujuk kepada tidak 'adil tanpa sebarang unsur-unsur melibatkan aib saksi yang diperiksa (*Ibid*, s121). Hakim mempunyai kuasa untuk menentukan bilangan pemeriksa rahsia walaupun melalui seorang pemeriksa rahsia sahaja (*Ibid*).

Proses testimoni saksi juga boleh dijalankan secara terbuka dengan kehadiran pihak-pihak, sama ada saksi tersebut telah diperiksa secara rahsia atau pun tidak dan pemeriksa yang dilantik akan memberikan keterangan sama ada saksi seorang yang 'adil atau sebaliknya (*Ibid*, s123). Berbeza dengan pemeriksaan rahsia melalui pihak-pihak yang mengenali saksi, keterangan pemeriksa dalam pemeriksaan secara terbuka boleh diterima sebagai *syahadah* kerana pihak-pihak dan saksi itu sendiri berada dalam majlis kehakiman yang dihadiri oleh semua pihak termasuk pemeriksa itu sendiri (*Ibid*, s124). Saksi yang pernah diputuskan 'adil oleh hakim yang sama dalam kes yang di dengar pada masa yang lain tidak lebih dari enam bulan dari tarikh pemeriksaan saksi dibuat, tidak akan diperiksa semula ke 'adilannya (*Ibid*, s125).

Dengan menggunakan kaedah bahawa keterangan terletak di pihak yang mendakwa (*al-bayyinah 'ala al-mudda'i*), sekiranya pihak menentang mencabar keadilan saksi sama ada sebelum atau selepas proses pemeriksaan saksi dijalankan, pihak tersebut perlu membuktikan fakta ketidak 'adilannya tersebut dan jika ia berjaya dibuktikan, maka keterangan saksi yang didapati tidak adil tidak akan diterima oleh mahkamah (*Ibid*, s126). Begitu juga sekiranya majoriti pemeriksa (sekiranya pemeriksa lebih dari dua orang) mendapati saksi tidak 'adil, pihak mahkamah juga tidak boleh menerima keterangan saksi tersebut (*Ibid*, s127).

Sekiranya seorang saksi yang telah memberikan keterangan dalam kes-kes yang melibatkan mu'amalat, tetapi kemudiannya mati atau hilang, pihak mahkamah masih boleh menjalankan proses pemeriksaan saksi dan boleh memutuskan kes tersebut berdasarkan keterangan yang pernah diberikan oleh saksi tersebut (*Ibid*, s128).

SKMS juga telah memberikan peruntukan alternatif jika proses pemeriksaan saksi tidak dapat dijalankan iaitu melalui sumpah saksi jika diminta oleh pihak penentang sebagai cara untuk mengukuhkan keterangannya dan membuktikan saksi seorang yang benar. Apabila saksi tersebut telah mengangkat sumpah maka dia tidak boleh diperiksa balas oleh pihak lawan kerana sumpahnya telah mengikat keterangannya sebagai benar serta tidak boleh dipertikaikan. Dalam hal ini, hakim boleh memberikan peringatan terlebih dahulu untuk tidak menerima keterangannya sekiranya saksi enggan bersumpah (*Ibid*, s129).

Walaupun SKMS mempunyai peruntukan khas berkaitan testimoni saksi dan istilah 'pemeriksaan saksi' atau 'pemeriksa' digunakan dalam 11 peruntukan tersebut

bagi menerangkan proses testimoni tersebut dijalankan, peruntukan lain yang berbeza prosesnya menggunakan istilah atau bab khusus tetap ada dalam SKMS. Bab khusus pemeriksaan saksi memperuntukkan 31 peruntukan yang melibatkan proses pemeriksaan utama, pemeriksaan balas dan pemeriksaan semula semasa mengambil keterangan pihak-pihak serta saksi-saksi di hadapan hakim (*Ibid*, s90). Proses tersebut sama seperti proses mengambil keterangan yang di mahkamah sivil yang mengamalkan sistem adversarial berasaskan AK 1950. Pemeriksaan utama melibatkan pemeriksaan terhadap saksi melalui soalan-soalan yang dikemukakan oleh pihak yang memanggilnya, pemeriksaan balas melibatkan pemeriksaan saksi melalui soalan-soalan yang dikemukakan oleh pihak penentang manakala pemeriksaan semula dijalankan oleh pihak yang memanggilnya selepas saksi disoalbalas oleh pihak penentang bertujuan untuk mengesahkan keterangan yang telah dikemukakan oleh saksi semasa proses pemeriksaan balas (*Ibid*).

Seksyen 108 SKMS di kebanyakan negeri, dan dalam EKMS Selangor 2003 contohnya telah memperuntukkan tatacara untuk mencabar kebolehpercayaan saksi oleh pihak penentang dengan kebenaran mahkamah apabila melalui keterangan lain bahawa saksi tersebut merupakan seorang yang tidak boleh dipercayai atau terdapat bukti bahawa saksi telah disogok atau dirahsuah dan apabila keterangan saksi tidak konsisten dengan keterangan-keterangan yang pernah diberikan sebelum ini. Peruntukan ini kelihatan sama dengan proses testimoni saksi atau *tazkiyah al-shuhud* dari aspek tujuan ia diperiksa terutama apabila saksi dipercayai sebagai seorang yang tidak boleh dipercayai. Apa yang berbeza ialah pihak yang mengemukakan soalan atau pihak yang hendak mengenalpasti kredibiliti saksi kerana seksyen 108 adalah diperuntukkan kepada pihak penentang yang berhasrat mencabar kebolehpercayaan saksi manakala seksyen 119 dalam peruntukan khusus testimoni saksi adalah peruntukan khusus untuk pihak hakim sendiri jika saksi diragui sifat 'adilnya.

Isu berkaitan proses *tazkiyah al-shuhud* pernah dibincangkan secara panjang lebar oleh Hamid Jusoh (2007, 13: 161) dari aspek maksud, sejarah dan kedudukannya dalam statut keterangan syariah di Malaysia. Analisis perbandingan juga dilakukan dengan undang-undang berkaitan *tazkiyah al-shuhud* di Pakistan dan amalannya melalui kes-kes berkaitan. Dalam kajian ini penulis merumuskan bahawa proses *tazkiyah al-shuhud* atau dalam istilah bahasa Melayunya sebagai pemeriksaan saksi adalah berbeza dengan istilah pemeriksaan dalam peruntukan undang-undang keterangan mahkamah syariah di Malaysia yang telah mengambil acuan AK melibatkan proses mengambil keterangan saksi melalui tiga peringkat utama iaitu pemeriksaan utama, pemeriksaan balas dan pemeriksaan semula. Walaupun terdapat pertentangan istilah penulis merumuskan kedua-dua proses ini tetap penting kerana perbezaan konsep iaitu *tazkiyah al-shuhud* melibatkan pemeriksaan hakim terhadap kredibiliti saksi manakala proses tiga peringkat pemeriksaan saksi seperti yang diamalkan di mahkamah sivil mahu pun mahkamah syariah melibatkan proses pemeriksaan fakta yang dikemukakan oleh saksi-saksi dalam testimoni mereka. Pengkaji juga berpendapat, bahawa proses *tazkiyah al-shuhud* sepatutnya dijalankan selepas proses pemeriksaan saksi dalam erti kata prosedur yang telah diamalkan di mahkamah syariah sejak sekian lama. Malah, di Pakistan, proses *tazkiyah al-shuhud* bukan lagi proses yang asing dalam prosiding kes jenayah hudud dan qisas (*Ibid*:158).

Akmal Hidayah (1999:82) pula merumuskan bahawa proses *tazkiyah al-shuhud* seperti yang diperuntukkan dalam statut keterangan syariah di Malaysia jika dilaksanakan kemungkinan boleh memanjangkan lagi sesuatu kes rentetan dari prosedurnya yang agak sukar termasuklah kesukaran mencari *muzakki* yang benar-benar layak. Penulis berpendapat bahawa proses pemeriksaan saksi di mahkamah

syariah seperti yang dilaksanakan di mahkamah sivil adalah proses mengenalpasti kekompetenan saksi menggantikan proses *tazkiyah al-shuhud* yang hanya merupakan proses yang diadaptasi dari prinsip asal undang-undang keterangan mahkamah syariah tetapi tidak dilaksanakan. Pandangan ini berbeza dengan pandangan Hamid Jusoh yang berpendapat bahawa pemeriksaan saksi tidak boleh menggantikan proses *tazkiyah al-shuhud* kerana proses pemeriksaan saksi bertujuan untuk memeriksa fakta manakala proses *tazkiyah al-shuhud* bertujuan untuk memeriksa keadilan saksi.

7.1 Asas dan Sumber Perundangan

Di Pakistan, proses *tazkiyah al-shuhud* bukan lagi proses yang asing dalam prosiding kes jenayah hudud dan qisas. Sh. Shaukat Mahmood dan Sh. Nadeem Shaukat (1984: 159) dalam komentarnya terhadap *Qanun-E-Shahadat* Pakistan 1984 menjelaskan tentang amalan tersebut di Pakistan bertujuan untuk menyiasat saksi yang dipercayai telah memberikan keterangan palsu sama ada melalui pemeriksaan secara terbuka atau pemeriksaan secara rahsia.

Proses testimoni saksi tidak ada dalam AK 1950 kerana statut tersebut tidak meletakkan syarat khusus terhadap saksi seperti yang ada dalam SKMS. Apa yang ada dalam AK 1950 ialah peruntukan tentang pemeriksaan saksi yang melibatkan pemeriksaan utama, pemeriksaan semula dan pemeriksaan balas seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 137. Malah apa yang diperuntukkan dalam SKMS tentang pemeriksaan saksi adalah berasaskan apa yang diperuntukkan dalam AK 1950 yang terpakai di mahkamah sivil termasuk peruntukan berkaitan tatacara mencabar kebolehpercayaan saksi dalam seksyen 108 EKMS Selangor 2003 yang sama dengan seksyen 155 AK 1950.

Walaupun ada kajian yang merumuskan bahawa proses *tazkiyah al-shuhud* seperti yang diperuntukkan dalam SKMS jika dilaksanakan kemungkinan boleh memanjangkan lagi sesuatu kes rentetan dari prosedurnya yang agak sukar termasuklah kesukaran mencari *muzakki* yang benar-benar layak (Akmal Hidayah, t.th.: 82), Hamid Jusoh (2007:161) tetap berpendapat bahawa pemeriksaan saksi tidak boleh menggantikan proses *tazkiyah al-shuhud* kerana proses pemeriksaan saksi bertujuan untuk memeriksa fakta manakala proses *tazkiyah al-shuhud* bertujuan untuk memeriksa keadilan saksi.

Dalam *Majallatul Ahkam*, proses *tazkiyah al-shuhud* turut diperuntukkan (The Mejjelle, Fasal 1716) tanpa meletakkan istilah khusus *tazkiyah al-shuhud* tetapi mempunyai proses dan kaedah yang sama dengan peruntukan testimoni saksi dalam SKMS termasuk sumpah saksi jika diminta oleh pihak penentang bagi membuktikan kebenaran saksi dan mengukuhkan keterangan saksi apabila pemeriksaan saksi tidak dapat dijalankan (Fasal 1727). Apa yang menarik lagi ialah peruntukan khas testimoni saksi dalam SKMS hampir menyamai dengan peruntukan tentang penyiasatan terhadap kredibiliti saksi dalam *Majallat al-Ahkam* bermula dari Fasal 1716 hingga Fasal 1727. Sama seperti SKMS, fasal-fasal dalam *Majallat* memperuntukkan tentang pemeriksaan secara rahsia dan terbuka (Fasal 1716), pihak yang akan diambil maklumat tentang saksi (Fasal 1717), kaedah pengendalian pemeriksaan secara rahsia (Fasal 1718), tanggungjawab pemeriksa (Fasal 1719), pengendalian pemeriksaan secara terbuka (Fasal 1720), bilangan pemeriksa (Fasal 1721), status *syahadah* terhadap keterangan pemeriksa dalam pemeriksaan secara terbuka (Fasal 1722), status pemeriksaan saksi kali kedua dalam tempoh enam bulan (Fasal 1723), penafian tentang kredibiliti saksi oleh pihak penentang (Fasal 1724), kematian saksi dan status

pemeriksaan yang dijalankan (Fasal 1725), perbezaan dapatan pemeriksaan saksi (Fasal 1726) serta sumpah saksi (Fasal 1727).

Oleh kerana Majallatul Ahkam merupakan salah satu sumber utama dalam penggubalan SKMS, peruntukan-peruntukan yang lebih hampir sama di antara testimoni saksi dalam SKMS dengan peruntukan tentang penyiasatan kredibiliti saksi dalam Majallat al-Ahkam secara tidak langsung menjawab persoalan tentang sumber rujukan SKMS dalam meletakkan peruntukan tentang testimoni saksi adalah berasaskan apa yang diperuntukan dalam *Majallat al-Ahkam*. Cuma mungkin apa yang membezakan di antara keduanya ialah istilah yang digunakan untuk proses tersebut serta olahan ayat dalam setiap peruntukan berkaitan, tetapi susunan peruntukan adalah hampir sama keseluruhannya.

Tidak banyak kitab-kitab fiqh dari mazhab yang empat membincangkan secara terperinci tentang proses *tazkiyah al-shuhud*, melainkan penulisan-penulisan fiqh kontemporari yang menjelaskan tentang tujuan, jenis serta kaedah pengendalian *tazkiyah al-shuhud* sama ada pemeriksaan secara rahsia atau terbuka, termasuklah tentang perlantikan pemeriksa yang dikenali sebagai muzakki. Secara umumnya, mazhab Shafi'i sebagai mazhab utama perujukan undang-undang hukum syarak menerima penggunaan kaedah *tazkiyah al-shuhud* untuk mengenalpasti keadilan saksi, walaupun tidak dibahaskan secara terperinci sebagaimana yang terdapat dalam penulisan fiqh kontemporari.

Ibnu Humam dan al-Marghinani dari mazhab Hanafi membahagikan proses TS kepada dua kaedah pengendalian iaitu secara sulit atau secara terbuka. *Tazkiyah* secara terbuka berlaku di hadapan hakim secara langsung dan ada saksi yang boleh memberi keterangan tentang status keadilan saksi utama (al-Marghinani, t.th.: 127). Berbeza dengan TS secara sulit yang melibatkan perlantikan sekarang-kurangnya seorang *muzakki* yang berperanan menyiasat latar belakang saksi sama ada 'adil atau tidak meliputi latar belakang nama, nasab dan tempat kebiasaan dia bersolat (Ibnu Hummam, 1995: 353).

Al-Dasuki (t.th.: 170) dari mazhab Maliki berpendapat hukum mengadakan proses TS adalah fardu kifayah sekiranya status keadilan saksi diragui. Sama seperti ulama mazhab Hanafi sebelum ini bahawa proses tersebut sama ada dilakukan secara sulit atau pun terbuka. Malah menurut al-Dasuki adalah lebih baik dilakukan dengan menggunakan kedua-dua kaedah tersebut. Al-Dasuki juga berpandangan bahawa saksi juga boleh mengangkat sumpah dengan nama Allah untuk mengukuhkan lagi kebenaran keterangannya (*Ibid*: 173) seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 129 EKMS 2003 tentang sumpah saksi yang boleh diminta oleh pihak penentang dengan kebenaran hakim jika pemeriksaan saksi atau TS tidak dapat dijalankan sebagai salah satu cara untuk mengukuhkan kebenaran keterangan saksi. Selain dari ulama mazhab Maliki, Ibnu Qayyim juga berpandangan saksi boleh mengangkat sumpah untuk mengukuhkan keterangan dan sebagai satu cara supaya saksi bercakap benar terutama pada zaman ramai manusia yang telah rosak, tetapi dengan kebenaran hakim (Ibnu Qayyim, 2002: 123). Oleh yang demikian, bukan setakat proses TS selari dengan pandangan beberapa mazhab fiqh tetapi juga penggunaan sumpah oleh saksi dengan kebenaran hakim sebagaimana yang terdapat di akhir bahagian peruntukan testimoni saksi juga selari dengan pandangan beberapa mazhab fiqh.

'Abdul Karim Zaydan (1983: 178) telah merumuskan proses TS dengan mengambil maklumat serta latar belakang saksi tersebut, bukan setakat nama, nasab dan masjid tempat solatnya, malah pekerjaan saksi tersebut, tempat tinggal serta sifat fizikalnya bagi mengelakkan sebarang keraguan tentang perwatakan saksi tersebut. Segala maklumat yang berkaitan dengan saksi tersebut akan diserahkan kepada

beberapa orang yang dilantik khas oleh hakim sebagai 'muzakki' atau 'ashab masail' atau 'arbab masa'il' untuk meneruskan siasatan terhadap saksi tersebut sama ada benar-benar 'adil' atau tidak. *Muzakki* yang dilantik akan dirahsiakan identiti mereka tetapi mestilah terdiri daripada mereka yang bersifat amanah, warak dan tidak ada kepentingan. Kumpulan penyiasat tersebut akan menemui beberapa orang yang mengenali saksi tersebut sama ada jiran, masyarakat setempat atau jemaah masjid sama ada mengenali dengan dekat saksi tersebut. Setelah menyempurnakan laporan sama ada saksi tersebut 'adil' atau tidak hakim boleh memutuskan sama ada kesaksiannya diterima atau tidak. Sekiranya hasil siasatan bercanggah sesama *muzakki*, hakim boleh melantik *muzakki* lain untuk meneruskan siasatan dan menyerahkan laporan keadilan saksi. Dengan mengqiyaskan bilangan saksi minimum dalam *syahadah* seramai dua orang maka bilangan *muzakki* yang dilantik pun seramai dua orang juga melainkan mazhab Hanafi yang berpandangan seorang *muzakki* sudah memadai kerana status TS bukanlah seperti *syahadah* tetapi lebih kepada *khobar* atau berita.

TS secara rahsia adalah lebih selamat kerana jauh dari risiko terdedahnya keaiban seseorang tetapi tiada masalah untuk hakim untuk mengendalikan prosedur tersebut secara terbuka di hadapan mahkamah dengan mendapatkan keterangan secara terbuka daripada para *muzakki* sama ada saksi yang disiasat 'adil' atau sebaliknya. Malah hakim digalakkan menggunakan kedua-dua kaedah tersebut iaitu TS secara terbuka setelah selesai dilakukan secara tertutup melalui *muzakki* yang sama (*Ibid*:180). Dalam konteks sumpah saksi, 'Abdul Karim Zaydan (1983: 168) turut melihat sumpah saksi untuk bercakap benar seperti yang diperuntukkan dalam Fasal 1727 *Majallat al-Ahkam* (The Mejelle) dan seksyen 129 EKMS Selangor 2003 sebagai salah satu syarat dalam penyampaian *syahadah* terutama pada zaman moden dengan risiko pembohongan dan ketidaktelusan saksi.

Penulisan Ahmad Fathi Bahnasi (1983: 47) yang menjadi salah satu rujukan utama penggubalan SKMS dan penggubalan peruntukan tentang TS (Temubual 2 Disember 2014) juga membincangkan proses tersebut secara panjang lebar. Perbincangan yang lebih kurang sama dengan penulisan 'Abdul Karim Zaydan (1983:50) meliputi siapa yang layak menjadi muzakki, jenis-jenis TS meliputi pemeriksaan secara rahsia (*tazkiyah al-sirr*) dan pemeriksaan secara terbuka (*tazkiyah 'alanyah*). Sama seperti konsep yang ada dalam SKMS keterangan muzakki dalam pemeriksaan secara terbuka akan dikira juga sebagai *syahadah*. Ahmad Fathi juga turut menjelaskan bahawa bilangan saksi dalam TS secara terbuka boleh dengan bilangan yang ramai tetapi TS secara rahsia telah diperselisihkan oleh ulama iaitu ada yang mengatakan memadai dengan seorang kerana TS bukan sebahagian dari *syahadah* dan ada yang mengatakan dua orang kerana keterangannya menyamai *syahadah*.

Peruntukan berkaitan testimoni saksi dalam SKMS ternyata menjadikan penulisan-penulisan fiqh kontemporari serta *Majallatul Ahkam* yang berasaskan mazhab Hanafi sebagai sumber rujukan utama kerana sumber-sumber tersebut menjelaskan secara terperinci tentang kaedah pengendalian TS berbanding kitab-kitab dari mazhab-mazhab utama yang menjelaskan secara umum sahaja sebagai salah satu cara untuk memastikan saksi yang menyampaikan *syahadah* benar-benar dari golongan yang 'adil.

8. Peruntukan Lain Berkaitan Syahadah

Selain dari peruntukan khusus berkaitan saksi, kekompetenan saksi, bilangan saksi dan testimoni saksi yang merujuk kepada prinsip-prinsip *syahadah*, terdapat juga beberapa peruntukan yang secara tidak langsung merujuk kepada beberapa prinsip dalam penggunaan *syahadah* sebagai metode pembuktian. Ini boleh dilihat dalam seksyen 17 (2) (b) berkaitan keperluan dua orang saksi lelaki yang '*aqil*, baligh dan '*adil* terhadap *iqrar* yang dibuat di mahkamah dan juga peruntukan berkaitan *syahadah al-tasamu*' atau keterangan dengar cakap seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 20 SKMS negeri-negeri di Malaysia termasuk negeri Perak.

Walaupun seksyen 17 (2) (b) berada di bawah peruntukan berkaitan *iqrar*, keperluan *syahadah* boleh dilihat dalam peruntukan tersebut apabila dua orang saksi lelaki dikehendaki untuk mengesahkan sebarang *iqrar* yang dibuat di luar mahkamah, kerana pada prinsip asalnya sesuatu *iqrar* hanya boleh di buat di hadapan hakim. Peruntukan tersebut walaupun berada di bawah peruntukan utama *iqrar*, ia bukanlah menjadi sesuatu yang asing kerana sememangnya dalam perbincangan tentang bilangan saksi, dua orang saksi lelaki merupakan bilangan saksi yang minima dalam semua kes kecuali kes zina, kes dakwaan lelaki papa sebagai miskin, kes melihat anak bulan Ramadan dan kes yang kebiasannya di bawah pengetahuan wanita, yang menurut kebanyakan ulama memadai dengan seorang wanita sahaja.

Seksyen 20 pula memperuntukkan tentang keterangan tentang fakta yang tidak boleh dilihat secara langsung tetapi boleh diperolehi melalui keterangan tidak langsung daripada sebarang catatan atau kenyataan pihak kedua disebabkan kematian atau kehilangan atau keuzuran saksi asal.¹⁵ Cuma keterangan tersebut tidak diletak di bawah bab *syahadah* atau saksi kerana keterangan sedemikian dianggap sebagai fakta relevan dan boleh diterima sebagai *qarinah* di bawah undang-undang keterangan Islam atas sifatnya sebagai keterangan keadaan. Seksyen 20 SKMS termasuklah EKMS Selangor 2013 memperuntukkan tentang hal yang dalamnya pernyataan mengenai fakta relevan oleh orang yang telah mati atau tidak dapat dijumpai, dsb. ialah *qarinah* dalam:

(1) Pernyataan, bertulis atau lisan, mengenai fakta relevan yang dibuat oleh seseorang yang telah mati atau yang tidak dapat dijumpai, atau yang telah menjadi tak upaya untuk memberikan keterangan, atau yang kehadirannya tidak boleh didapatkan tanpa kelengahan atau perbelanjaan yang pada pendapat Mahkamah tidak munasabah dalam hal keadaan kes itu, ialah dengan sendirinya *qarinah* dalam hal-hal yang berikut:

(a) apabila pernyataan itu dibuat oleh seseorang tentang sebab kematiannya, atau tentang apa-apa hal keadaan transaksi yang telah mengakibatkan kematiannya, dalam hal yang dalamnya sebab kematian orang itu dipersoalkan. Pernyataan sedemikian ialah *qarinah* sama ada pada masa pernyataan itu dibuat orang yang membuatnya telah menjangkakan atau tidak menjangkakan dia akan mati, dan walau apa jua jenis prosiding yang dalamnya sebab kematiannya itu dipersoalkan;

(b) apabila pernyataan itu telah dibuat oleh mana-mana orang itu dalam perjalanan biasa urusan, dan khususnya apabila pernyataan itu terdiri daripada apa-apa catatan

¹⁵ Seksyen 20 SKMS termasuklah EKMS Selangor 2013 memperuntukkan tentang hal yang dalamnya pernyataan mengenai fakta relevan oleh orang yang telah mati atau tidak dapat dijumpai, dsb. ialah *qarinah*.

atau memorandum yang telah dibuat olehnya dalam buku yang disimpan dalam perjalanan biasa urusan atau pada melaksanakan tugas-tugas professional; atau terdiri daripada akuanterimaan yang ditulis atau ditandatangani olehnya mengenai penerimaan wang, barang, sekuriti atau apa juga jenis harta; atau terdiri daripada sesuatu dokumen yang digunakan dalam perdagangan, yang ditulis atau ditandatangani olehnya, atau mengandungi tarikh bagi sesuatu surat atau dokumen lain yang biasanya ditarikh, ditulis atau ditandatangani olehnya;

(c) apabila pernyataan itu menentang kepentingan kewangan atau kepentingan ketuanpunyaan orang yang membuatnya, atau apabila, jika benar, pernyataan itu akan mendedahkan atau mungkin mendedahkan orang itu kepada suatu pendakwaan jenayah atau kepada suatu guaman untuk ganti rugi;

(d) apabila pernyataan itu memberikan pendapat mana-mana orang sedemikian tentang kewujudan apa-apa hak awam atau *'urf* atau perkara yang mempunyai kepentingan awam atau am, yang kewujudannya, jika ia wujud, mungkin telah disedari oleh orang itu, dan apabila pernyataan itu dibuat sebelum timbul apa-apa kontroversi tentang hak, *'urf* atau perkara itu;

(e) apabila pernyataan itu berhubungan dengan kewujudan apa-apa hubungan melalui darah, perkahwinan atau pengangkatan antara orang yang tentang hubungan itu orang yang membuat pernyataan itu mempunyai cara yang istimewa bagi mengetahuinya, dan apabila pernyataan itu dibuat sebelum timbulnya soal yang dipertikaikan itu;

(f) apabila pernyataan itu adalah berhubungan dengan kewujudan apa-apa hubungan melalui darah, perkahwinan atau pengangkatan antara orang yang telah mati, dan pernyataan itu dibuat dalam mana-mana wasiat atau suratikatan yang berhubungan dengan hal ehwal keluarga yang mana-mana orang yang telah mati itu seorang anggotanya, atau dalam apa-apa salasilah keluarga atau di atas mana-mana batu nisan, potret keluarga atau benda lain yang di atasnya pernyataan itu biasanya dibuat, dan apabila pernyataan itu dibuat sebelum timbulnya soal yang dipertikaikan itu;

(g) apabila pernyataan itu terkandung dalam mana-mana dokumen yang berhubungan dengan apa-apa transaksi sebagaimana yang disebut dalam perenggan 13 (a);

(h) apabila pernyataan itu telah dibuat oleh sebilangan orang dan menyatakan perasaan atau tanggapan mereka yang relevan dengan perkara yang berkenaan itu.

Peruntukan tersebut tidak secara langsung menyebut tentang kesaksian atau *syahadah* tetapi peruntukan kecil yang wujud di bawah seksyen ini iaitu seksyen 20 (2) menunjukkan ciri-ciri *syahadah* apabila bilangan saksi yang ditentukan untuk keterangan jenis ini menyamai bilangan saksi umum selain kes jenayah dalam bab *syahadah* iaitu dua orang saksi lelaki atau seorang saksi lelaki bersama dua orang saksi wanita juga menyamai bilangan saksi umum seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 86(5) EKMS Selangor 2003 serta bagi kebanyakan SKMS negeri-negeri di Malaysia. Apatah lagi beberapa peruntukan kecil di bawah seksyen 20 di atas menyamai konsep keterangan dengar cakap atau *shahadah 'ala al-shahadah* (SAS)

serta *shahadah al-tasamu'* (ST)¹⁶ yang boleh diterima dalam kes-kes tertentu disebabkan kematian, kehilangan atau keuzuran saksi asal dalam kes-kes berkaitan perkahwinan, nasab, kelahiran, penyusuan (EKMS, s20).

8.1 Asas Dan Sumber Perundangan

Secara umumnya peruntukan berkaitan dua orang saksi dalam kes *iqrar* di luar mahkamah seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 17 (2) (a) EKMS Selangor 2003 sebagai contoh, dan oleh kerana ia bukan kesaksian terhadap harta, maka peruntukan tersebut adalah selari dengan pandangan majoriti ulama terutama mazhab Shafi'i dalam kes jenayah selain kes zina dan dalam kes sivil lain yang bukan harta yang memerlukan sekurang-kurangnya dua orang saksi lelaki berasaskan prinsip yang terkandung dalam ayat 2 Surah al-Talaq (al-Shafi'i, 4: 92, al-Sharbini, 6: 396 dan al-Ramli, 8: 312).

Manakala bagi peruntukan seksyen 20 yang menyamai prinsip keterangan dengar cakap sama ada SAS dan ST, majoriti ulama termasuk mazhab Shafi'i menerimanya sebagai keterangan dalam kes-kes tertentu sahaja ketika dalam keadaan terdesak apabila saksi asal mati, sakit, hilang atau tiada keupayaan untuk hadir menyampaikan kesaksian (al-Shafi'i, 4: 53, al-Sharbini, 6: 415 dan al-Ramli, 8: 325). Ulama mazhab Shafi'i juga menerima keterangan dengar cakap atau ST dengan syarat maklumat tersebut diketahui oleh sekumpulan manusia yang mustahil berpakat melakukan pembohongan. Dan jumlah saksi yang diperlukan untuk memberikan keterangan memadai dengan dua orang lelaki yang '*adil*' (al-Sharbini: 407). ST menurut mazhab Shafi'i boleh diterima dalam kes-kes yang memadai dengan pendengaran sahaja atau secara menerima berita atau *khobar* atau *istifadah* seperti kes kematian, nasab, pemilikan, perkahwinan dan kematian (al-Dimyati: 497) sekiranya saksi asal mati atau hilang. Walau bagaimanapun dari aspek bilangannya seksyen 20 (2) menyamai bilangan saksi menurut pandangan mazhab Hanafi (Ibnu Humam: 431, al-Marghinani: 128 dan al-Kasani: 4057) dan Hambali (Ibnu Qudama: 96, Ibnu al-Najar: 492) iaitu dua orang lelaki atau seorang lelaki bersama dua orang wanita sama ada melalui SAS atau pun ST atau dikenali sebagai *istifadah*, berbeza dengan mazhab Shafi'i.

Majallat al-Ahkam turut memperuntukkan keterangan secara dengar cakap (*hearsay*) sebagai keterangan yang tidak boleh diterima melainkan dalam hal-hal tertentu seperti kes wakaf, kematian, perlantikan hakim dan nasab tetapi tidak menetapkan bilangan saksi ganti seperti yang dibincangkan oleh ulama fiqh (The Mejelle, Fasal 1688).

Penulisan fiqh kontemporari seperti 'Abdul Karim Zaydan (1983: 171) hanya membincangkan tentang SAS sebagai sebahagian dari topik *syahadah* berserta syarat-syarat penerimaan SAS seperti saksi asal dalam keuzuran, sama ada mati, sakit atau hilang (sama seperti seksyen 20, SKMS), saksi ganti mestilah memenuhi syarat penyampaian *syahadah* sama seperti syarat untuk saksi asal, bilangan saksi ganti tidak kurang dari dua orang lelaki atau seorang lelaki bersama dua orang wanita (sama

¹⁶ *Shahadah 'ala shahadah* atau kesaksian atas kesaksian dan keterangan dengar cakap yang juga dikenali sebagai *shahadah al-tasamu'* atau *istifadah* merupakan salah satu cabang perbincangan dalam bab *shahadah* atas kapasitinya sebagai kesaksian atau keterangan tidak langsung. Kedua-dua jenis kesaksian ini juga dikenali sebagai saksi ganti, bukan saksi asal atas keuzuran-keuzuran tertentu atau atas sebab yang tidak boleh dielakkan bersandarkan prinsip masalah dan *istisnā* bagi memelihara hak seseorang (Ibnu al-Qayyim, 2002: 89).

seperti seksyen 20, SKMS) dan saksi ganti perlu menyebut nama saksi asal. Syarat kekompetenan saksi ganti yang sama seperti saksi asal dan syarat menyebut nama saksi asal tidak ada dalam SKMS.

Wahbah Zuhayli (1997: 6032) pula hanya menyebut tentang ST dengan menjelaskan situasi-situasi yang membenarkan ST digunakan sebagai keterangan seperti kes perkahwinan, nasab, kematian, persetubuhan, perlantikan hakim atas dasar istihsan kerana penafian terhadap keterangan seperti ini dalam kes-kes darurat boleh mengundang kesukaran, kemudaratan dan pandangan negatif terhadap lakuna hukum syarak.

Walaupun peruntukan seksyen 20 hampir menyamai konsep SAS dan SAT menurut fiqh, ia tidak menetapkan kaedah penggunaan keterangan dengar cakap sama ada SAS atau ST, terutama dari segi panduan lafaznya kecuali aspek bilangan saksi sahaja yang diberikan panduan. Ini kerana peruntukan tersebut adalah berasaskan peruntukan dalam AK 1950 dalam hal yang sama dalam seksyen 32 (1) yang sama dengan seksyen 20 (1) SKMS kecuali dari aspek misalnya dan bilangan saksi yang tidak diperuntukkan dalam AK 1950. Persamaan seperti ini bukan suatu yang asing dalam SKMS kerana SKMS juga digubal berasaskan peruntukan dalam AK 1950 melalui penerimaan mana-mana peruntukan yang tidak bercanggah dengan hukum syarak dan pengubahsuaian terhadap beberapa peruntukan supaya selari dengan prinsip fiqh seperti yang ada dalam seksyen 20 (2) berkaitan bilangan saksi dalam menerima keterangan seperti ini.

9. Dapatan Kajian dan Kesimpulan

Walaupun ada sedikit perbezaan peruntukan keseluruhan SKMS di antara negeri-negeri di Malaysia, secara umumnya peruntukan undang-undang khusus berkaitan *syahadah* dalam SKMS negeri-negeri Malaysia adalah sama dari aspek definisi, syarat-syarat saksi, bilangan saksi, proses testimoni saksi atau *tazkiyah al-shuhud* dan penerimaan keterangan dengar cakap. Peruntukan-peruntukan tersebut juga dilihat selari dengan mazhab utama sumber rujukan hukum syarak iaitu mazhab Shafi'i terutama melalui penulisan-penulisan utama mazhab Shafi'i yang terdiri dari Imam Shafi'i sendiri serta ulama mazhab Shafi'i yang lain seperti al-Sharbini, al-Ramli, al-Shirazi dan al-Dimyati.

Walau bagaimanapun, dengan sifat keterbukaan sumber hukum dalam SKMS seperti undang-undang Islam yang lain di Malaysia, pandangan fiqh dari sumber mazhab yang lain juga diterima dalam sesetengah situasi untuk disesuaikan dengan sistem perundangan di Malaysia. Paling ketaran ialah penerimaan konsep *bayyinah* berdasarkan pandangan Ibnu Qayyim dari mazhab Hambali dengan memberi ruang penerimaan keterangan mana-mana saksi yang tidak memenuhi syarat *shahadah* yang kebanyakannya berasaskan kepada mazhab Shafi'i. Begitu juga dengan aspek bilangan saksi yang menggabungkan beberapa pandangan mazhab yang empat seperti keterangan tiga orang saksi dalam kes dakwaan fakir oleh orang yang dikenali kaya yang berasaskan kepada mazhab Hambali dan keterangan seorang saksi wanita dalam kes yang melibatkan perkara-perkara yang kebiasaannya di bawah pengetahuan wanita berdasarkan pandangan majoriti ulama terutama mazhab Hanafi dan Hambali.

Selain berpegang kepada mazhab-mazhab fiqh yang utama sebagai asas dan sumber rujukan undang-undang, prinsip-prinsip *syahadah* dalam SKMS juga diadaptasi dari sistem perundangan bertulis yang dilihat selari dengan hukum syarak melalui pendekatan pengubahsuaian dan harmonisasi. Aspek ini boleh dilihat dalam bahagian berkaitan testimoni saksi atau *tazkiyah al-shuhud* yang hampir menyamai

apa yang diperuntukkan dalam *The Mejelle* (Majallatul Ahkam Al-‘Adliyyah) dengan pengolahan bahasa serta kandungan peruntukan yang sesuai dengan situasi sistem perundangan di Malaysia. Begitu juga dengan beberapa prinsip berkaitan keterangan dengar cakap yang diadaptasi dari Akta Kontrak (AK) 1950 dengan beberapa pengubahsuaian yang melibatkan misalan-misalan dan yang paling ketara ialah keperluan bilangan saksi seramai dua orang lelaki atau seorang lelaki bersama dua orang wanita yang tidak ada dalam AK 1950 untuk menjadikannya selari dengan hukum syarak.

Senario sistem perundangan di Malaysia juga telah mempengaruhi corak penggubalan dan peruntukan *syahadah* dalam SKMS apabila terdapat beberapa prinsip hukum syarak mengenai *syahadah* tidak diperuntukkan secara nyata dalam statut. Sebagai contoh bilangan empat saksi dalam kes zina seperti yang dibahaskan oleh ulama fiqh. Keterbatasan takat bidang kuasa mahkamah syariah dan sifat ketertinggian Perlembagaan Persekutuan telah memberi kesan kepada proses penggubalan SKMS apabila peruntukan umum dua orang saksi lelaki atau seorang saksi lelaki bersama dua orang saksi wanita menjadi bilangan minimum saksi bagi kebanyakan kes tanpa meletakkan perbezaan sama ada kes mal atau jenayah.

Ini menunjukkan, dalam proses meletakkan hukum syarak sebagai asas dan sumber utama peruntukan berkaitan *syahadah* dalam SKMS, pihak penggubal juga menggunakan pendekatan atau sikap berhati-hati dengan hanya memasukkan prinsip-prinsip hukum syarak yang tidak bertentangan dengan kaedah umum perundangan Malaysia yang menjadikan Perlembagaan Persekutuan sebagai undang-undang utama. Walaupun mungkin ada pihak yang kurang bersetuju dengan kaedah tersebut, tetapi sekurang-kurangnya kaedah menyesuaikan undang-undang Islam dengan sistem perundangan di Malaysia dapat membantu melicinkan sistem pentadbiran keadilan mahkamah syariah di Malaysia asalkan tiada peruntukan yang jelas bertentangan dengan prinsip hukum syarak.

Rujukan

- ‘Abdul Karim Zaydan. (1983). *Nizam a-Qada’*. Baghdad: Matb’ah al-Ma’ani.
- ‘Alauddin Abi Bakr Bin Mas’ud al-Kasani al-Hanafi. (t.th.). *Badai’ al-Sanai’ Fi Tartib al-Sharai’*. Kaherah: Matba’ah al-Imam.
- Abi Bakr ‘Uthman Bin Muhammad Shatta al-Dimyati al-Bakri. 1995. *I’ناه al-Talibin*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Abi Ishaq Ibrahim al-Shirazi. (1995). *al-Muhadhab*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ahmad ‘Abdul Mun’im al-Bahai. (1965). *Min Turuq al-Ithbat Fi al-Shari’ah wa fi al-Qanun*. Kaherah: Dar al-Fikr.
- Ahmad Fathi Bahnasi. (1983). *Nazariyat al-Ithbat Fi al-Fiqh al-Jina’i al-Islami*. Beirut: Dar al-Shuruq.
- Ahmad Mohamed Ibrahim. (2000). *The Administration of Islamic Laws in Malaysia* Kuala Lumpur: IKIM.
- Akmal Hidayah Halim. (1999). *The Law of Competency, Compellability And Credibility of Witness: a Comparative Study of Evidence Act 1950 And Islamic Law*. MCL Thesis. Kuliyyah of Law, International Islamic University, Malaysia.
- Al-Khatib, Muhammad al-Sharbini. (t.th.) *Al-Iqna’*. Jil. 1. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Shafi’i, Abi ‘Abdillah Muhammad Bin Idris. (2009). *Al-Umm*. Jil. 5. Beirut: Dar al-Fiqh.

- Al-Syarbini, Shamsuddin Muhammad al-Khatib. (2006). *Mughni al-Muhtaj*. Jil. 6. Kaerah: Darul Hadith.
- Al-Zuhayli, Wahbah. (1996). *Usul al-Fiqh al-Islami*. Jil. 2. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Zuhayli, Wahbah. (1997). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Jil. 8. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Amir Husin Mohd Nor, Zuliza Kusrin & Che Maryam Ahmad (2006). Kesaksian Dalam Undang-undang Keterangan Islam. Dm. Siti Zalikah Md. Nor, et. al. (Pnyt.). *Al-Syariah Jilid 3: Undang-undang Keterangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Burhanuddin Abi al-Hasan 'Ali bin Abi Bakr al-Farghani al-Marghinani. (t.th.). *Al-Hidayah Sharh Bidayah al-Mubtadi*. Jil. 2. Beirut: Sharikah Dar al-Arqam bin Abi al-Arqam.
- C.R. Tyser. D.G. Demetriades & Ismail Haqqi Effendi. (2006). *The Mejelle*. Petaling Jaya: The Other Press.
- Hamid Jusoh. (2007). *Tazkiyah al-Syuhud* dalam Nasimah Hussin et. al. *Undang-undang Islam: Jenayah, Keterangan dan Prosedur*. Jil. Ke-13. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibnu al-Humam. (1995). *Sharhu Fathul Qadir*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibnu al-Qayyim al-Jawziyyah. (2002). *Al-Turuq al-Hukmiyyah Fi al-Siyasah al-Shar'iyah*. Kaerah: Darul Hadith.
- Ibnu al-Qayyim al-Jawziyyah. (2002). *I'lam al-Muwaqi'in*. Kaerah: Dar al-Hadith.
- Ibnu Farhun. (1301H). *Tabsirah al-Hukkam Fi Usul al-'Aqdiyyah wa Manahij al-Ahkam*. Jil. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibnu Hazm. (1984) *al-Muhalla bi a-Athar*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibnu Qudama. (1994). *al-Mughni wa Sharhu al-Kabir*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibnu Rushd. (2009). *Sharh Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*. Jilid ke-4. Kaerah: Dar al-Salam.
- Mahmud Saedon Awang Othman. (1991). *Undang-undang Keterangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Mahmud Saedon Awang Othman. (1995). Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah: Satu Analisis. Dlm. Abdul Monir Yaacob (Ed.). *Undang-undang Keterangan Dan Prosedur di Mahkamah*, Kuala Lumpur: IKIM.
- Mahmud Saedon Awang Othman. (2000). Pendekatan Syiasah Syar'iyah Dalam Pentadbiran Negara. *Jurnal Undang-undang IKIM 4*, no. 1 (Januari-Jun), m.s. 81.
- Muhammad al-Zuhayli. (2008). *Fiqhul Qada' wa al-Da'wa wal Ithbat*. UAE: Jami'ah al-Shariqah.
- Muhammad Siraj. (1988). *Usul al-Fiqh al-Islami*. Iskandariyah: Mansha'ah al-Ma'arif.
- Ruzman Md. Noor. (2008). Kedudukan Bayyinah, Syahadah dan Qarinah Dalam Penggubalan Undang-undang Keterangan Islam Di Malaysia. *Jurnal Syariah, 16*, 345-366.
- Ruzman Md. Noor. (2008). Kesaksian Dalam Konteks Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah di Malaysia: Analisis Dari Perspektif Mazhab Syafie. *Jurnal Fiqh, 5*, 143-167.
- Ruzman Md. Noor. Kajian Semula Terhadap Undang-undang Keterangan Islam. *Prosiding Seminar Semakan Semula Korpus Undang-undang Islam di Malaysia: Keperluan Dan Cabaran*, IKIM. 1-2 April 2008. April 1-2, 2008.
- Shamsuddin al-Shaikh Muhammad al-Dasuqi. (t.th.) *Hashiyah al-Dasuqi 'Ala al-Sharh al-Kabir*. Mesir: Mustafa al-Babi al-Halabi.

Shamsuddin Muhammad Bin Abi al-‘Abbas Ahmad Bin Hamzah Ibnu Shihabuddin al-Ramli. (1984). *Nihayah al-Muhtaj Ila Sharhi al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Fikr.

Taqiuddin Abi al-Baqa Muhammad Bin Ahmad Ibnu al-Najar al-Fatawhi. (2005). *Sharhu Muntaha al-Iradat*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

BIOGRAFI PENULIS

Azizah Mohd Rapini, lulusan Sarjana Undang-undang Perbandingan (MCL) Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Sarjana Muda Syariah dari Universiti Malaya. Beliau kini sedang melanjutkan pelajaran di peringkat PhD dalam bidang Syariah Undang-undang di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Sekarang memegang jawatan sebagai Ketua Jabatan Undang-undang, Fakulti Syariah Dan Undang-undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Undang-undang. Bidang pengkhususan beliau sama ada dalam pengajaran mahu pun penulisan kertas kerja, artikel, penyelidikan atau pun rundingcara undang-undang ialah undang-undang keterangan Islam dan undang-undang keluarga Islam. Alamat e-mel: azizah@kuis.edu.my.